



MINISTRY OF
INVESTMENT, TRADE AND INDUSTRY

TEKS UCAPAN

**MAJLIS PERASMIAN
PROGRAM HARI TERBUKA MITI
(*MITI DAY*) 2023**

OLEH

**YB SENATOR TENGKU DATUK SERI UTAMA
ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**30 JULAI 2023 (AHAD)
11.00 PAGI**

**DATARAN AZALEA, MIDTOWN PERDA VENTURE KUBANG
MENERONG**

Bismillahirrahmanirahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Pagi.

Yang Berhormat Dato' Mohd Sayuthi Bakar;
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berbahagia Datuk Seri Isham Ishak,
Ketua Setiausaha MITI;

Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha,

Ketua-Ketua Agensi MITI;

Pegawai-Pegawai Kerajaan Persekutuan dan Negeri;

Yang Berusaha Encik Noorkhaizan Mohd Noor,
Ketua Pegawai Eksekutif PERDA Ventures Incorporated Berhad;

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian.

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Subhana Wata'ala di atas limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita sama-sama berkumpul pada hari ini meraikan sambutan **Program Hari Terbuka MITI di negeri Pulau Pinang**. Suka saya

maklumkan bahawa **Pulau Pinang** merupakan lokasi **pertama penganjuran Hari Terbuka MITI 2023**. Ini mencerminkan **penghargaan** kepada negeri ini sebagai salah sebuah negeri **penyumbang** kepada **pertumbuhan ekonomi negara** khususnya dalam industri elektrik dan elektronik (E&E). Secara tradisinya, industri E&E merupakan antara penyumbang tertinggi eksport negara pada setiap tahun.

2. Sekalung **penghargaan dan tahniah** saya rakamkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini termasuk **Malaysia Productivity Corporation (MPC)** dan **Halal Development Corporation (HDC)** selaku hos bersama pada hari ini serta pihak **PERDA Ventures** selaku penyedia lokasi. Program hari terbuka MITI atau juga dikenali sebagai **MITI Day** diadakan saban tahun dan pada tahun ini dirancang untuk diadakan di tiga (3) negeri iaitu Selangor dan Negeri Sembilan, selain di Pulau Pinang pada hari ini.
3. *Apa habaq oghang Penang?* Jauh kami datang dari Kuala Lumpur ke **pulau mutiara** ini untuk menyantuni saudara dan saudari serta memberikan **penerangan dan hebahan**

mengenai **perkhidmatan** yang disediakan oleh MITI dan agensi-agensinya untuk kebaikan rakyat. Mungkin ramai yang tidak begitu memahami **peranan dan fungsi hakiki MITI** misalnya dalam **menarik pelaburan** dan **melonjakkan nilai perdagangan** negara.

4. **MITI Day** diadakan dengan **konsep mesra rakyat**, serta disesuaikan dengan konteks yang mudah difahami, boleh dilihat dan boleh dirasai. **Lima (5) elemen utama** yang diberi **fokus** oleh MITI adalah (i) Pelaburan, (ii) Perdagangan Antarabangsa, (iii) Pembangunan Industri, (iv) Peluang Pekerjaan dan (v) Seranta (*Outreach*).

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. YAB Perdana Menteri baru sahaja mengumumkan teras-teras dan langkah-langkah bagi Pelan Ekonomi MADANI: Memperkasakan Rakyat. Kalau diteliti, dalam 40% langkah-langkah yang diumumkan melalui Ekonomi MADANI adalah dalam tanggungjawab MITI. Jelas sekali melalui rangka ekonomi tersebut, bahawa pemerksaan industri, pelaburan

dan eksport dilihat sebagai salah satu penyumbang utama pertumbuhan ekonomi Malaysia.

6. Jadi, bagi MITI, kita perlu terus mempergiat usaha untuk meningkatkan keyakinan pelabur bukan sahaja pelaburan langsung asing (FDI) malah pelaburan langsung domestik (DDI). Pada masa yang sama kita juga perlu memastikan PKS dan rakyat memperoleh manfaat terbaik daripada pelbagai langkah yang kita telah laksanakan.

7. Pelaburan dan perdagangan merupakan elemen penting bagi memacu pembangunan ekonomi dan mentransformasi ekonomi ke arah negara berpendapatan tinggi. Tetapi tidak semua pelaburan adalah sama. Keutamaan kita adalah pelaburan berkualiti tinggi, yang akan menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi negara (economic complexity). Dalam masa yang sama, kita juga utamakan teknologi hijau, seperti green manufacturing, bagi meneroka peluang ekonomi baharu.

8. Jika kita berjaya laksanakan perancangan ini, secara tidak langsung Malaysia akan naik ke tahap rantai nilai yang lebih tinggi. Bila ini berlaku, kita mampu menyediakan

peluang pekerjaan bergaji lebih tinggi untuk rakyat kita. Pada masa yang sama, kita juga akan melestarikan ekonomi kita. Inilah sebahagian kunci kepada kejayaan Ekonomi MADANI untuk meningkatkan pendapatan rakyat Malaysia.

Tuan-tuan dan puan,

9. Dari segi perdagangan, kita sebenarnya sudah berada di landasan yang tepat. Pada tahun **2022**, **eksport** negara telah **meningkat** sebanyak **25%** kepada **RM1.552 trilion**, tercapai tiga (3) tahun lebih awal berbanding sasaran dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12). Malaysia juga merekodkan **lebih dagangan selama 25 tahun berturut-turut semenjak tahun 1998**.

10. Dalam hal ini, **sumbangan Pulau Pinang** amat penting untuk **meneruskan momentum cemerlang eksport** negara. Semenjak 50 tahun lepas, Pulau Pinang telah membangun menjadi **hab kepada perkilangan semikonduktor dan peranti perubatan (*medical devices*)** dan menjadi pilihan syarikat multinasional terkenal. Hasilnya, telah terbina **ekosistem rantai nilai yang matang** yang telah membantu pertumbuhan banyak syarikat tempatan,

bermula daripada saiz yang kecil sehingga ada yang telah disenaraikan di Bursa Malaysia, misalnya Vitrox Technologies dan Inari Amertron.

11. Syarikat-syarikat ini berjaya menyediakan **peluang pekerjaan** kepada rakyat tempatan, **memangkinkan pembangunan** kawasan perindustrian baharu seperti di Batu Kawan dan **membuka pelbagai limpahan manfaat ekonomi yang lain**. MITI sentiasa sedia **bekerjasama** dengan **Kerajaan Negeri Pulau Pinang** dalam terus **memperkasakan potensi dan kelebihan negeri ini**.

12. Pada bulan hadapan, MITI akan melancarkan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (**NIMP 2030**) yang merupakan satu **kerangka dasar yang komprehensif** merangkumi misi, keutamaan, dan pelan tindakan dalam mentransformasikan sektor perkilangan Malaysia. Tranformasi ini bertujuan untuk **mencipta sumber kekayaan baharu** negara dengan meningkatkan kompleksiti ekonomi, memacu pertumbuhan ekonomi lestari, menyediakan peluang pekerjaan berkualiti sekaligus **meningkatkan taraf kehidupan rakyat yang lebih sejahtera**. Pelan ini juga telah mengambil kira komitmen

Malaysia untuk mencapai pelepasan sifar karbon menjelang tahun 2050 dan Matlamat Pembangunan Mampan 2030. MITI juga bakal melancarkan Rangka Kerja ESG untuk sektor perkilangan pada bulan September 2023. Kedua-dua dasar ini **saling melengkapi** ke arah mengarusperdanakan amalan ESG terutamanya di kalangan perusahaan kecil dan sederhana seiring dengan trend semasa.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Suka saya kongsi, negara juga telah merekodkan **pelaburan** yang diluluskan bernilai **RM71.4 bilion** bagi **suku pertama 2023, melonjak hampir 60 peratus** berbanding tahun sebelumnya. Dengan **1,265 projek baharu** yang diluluskan, adalah dijangkakan sebanyak **23,977 peluang pekerjaan baharu merentasi sektor** pembuatan, perkhidmatan dan utama negara bakal tercipta yang akan memanfaatkan rakyat tempatan.
14. Prestasi pelaburan yang kekal memberangsangkan ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Di antaranya termasuk **lokasi** Malaysia yang strategik, **ketersediaan bakat** yang mempunyai penguasaan Bahasa Inggeris yang baik, **dasar**

dan peraturan yang progresif serta **mesra perniagaan**, integrasi ke dalam rangkaian ekonomi antarabangsa serta ekosistem industri yang matang (*established*), misalnya **kluster E&E di Pulau Pinang**.

15. **Kepelbagaian ekonomi (*economic diversification*)** yang dilaksanakan oleh kerajaan sebagai satu strategi pertumbuhan dilihat mampu membantu negara **mendepani cabaran dan ketidaktentuan** di peringkat **global** dengan berkesan. Kerajaan sentiasa **memantau perkembangan** di peringkat global yang tentunya memberikan kesan sedikit sebanyak kepada Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan.

Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati,

16. Program MITI Day ini merupakan **platform** yang baik untuk **menyalurkan pelbagai jenis informasi dan perkhidmatan** yang memberi manfaat kepada rakyat. Berteraskan Malaysia MADANI, program MITI Day ini dapat memberikan maklumat kepada individu dan perniagaan mengenai **peluang** untuk **meluaskan operasi sama ada** di peringkat domestik dan global, meninjau peluang pekerjaan,

mendapatkan bantuan kewangan bagi memulakan perniagaan, menyertai latihan industri serta mengikuti kursus *upskilling* dan *reskilling*.

17. Terdapat pelbagai jenis pameran terdiri daripada Pameran Industri dan Perdagangan, Pameran Kerjaya, Pameran PKS dan Perkhidmatan Kerajaan, Pameran Automotif, sesi *Pocket Talks* dan sebagainya. Saya dengan ini dengan berbesar hati ingin **menjemput** para tetamu sekalian untuk **singgah ke booth dan kaunter pameran** yang disediakan oleh MITI dan agensi. Gunakanlah peluang ini untuk untuk mendapatkan maklumat lanjut yang berkaitan dengan peranan dan perkhidmatan MITI.

18. Selain daripada booth jualan dan booth MITI serta agensi, terdapat juga Ekplorasi Kerjaya yang menawarkan pelbagai peluang pekerjaan kepada golongan belia dan Academy in Industry (Aii) yang menawarkan **pelbagai peluang latihan**. Terdapat **30 syarikat asing** dan tempatan yang terlibat, terdiri daripada sektor **Kenderaan Elektrik, Elektrikal dan Elektronik, Automotif, Teknologi Maklumat dan F&B** menawarkan lebih kurang **2,500 peluang pekerjaan**. Antara bidang kerjaya yang ditawarkan adalah seperti **juruteknik, jurutera dan eksekutif**. Semua

ini kita sediakan untuk memberikan peluang kepada anak-anak Pulau Pinang. Selain itu, terdapat juga syarikat-syarikat yang turut serta pada hari ini yang sudi menawarkan produk keluaran syarikat mereka pada **harga kilang khusus** buat para pengunjung hari ini dan amnya kepada rakyat Pulau Pinang.

19. Semoga kehadiran anda semua pada hari ini akan menyemarakkan lagi program-program yang telah disediakan. Saya berharap agar **jalinan antara MITI dan agensi bersama rakyat akan sentiasa kukuh** dalam sama-sama menggembeleng tenaga untuk **perkasa industri, maju ekonomi** sejajar dengan visi Malaysia MADANI.

20. Saya amat mengalu-alukan sebarang **perkongsian pandangan dan idea bagi mempertingkatkan perkhidmatan MITI**. Input tersebut amatlah penting di dalam memastikan perkhidmatan terbaik jentera kerajaan di dalam memenuhi aspirasi rakyat Malaysia secara khusus, terutamanya di dalam memperkukuh ekonomi individu, keluarga, dan semua anggota peringkat masyarakat.

21. Akhir kalam, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim,
saya dengan penuh tawadduk merasmikan Program MITI
Day 2023.

Wabillahi Taufik wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.